



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka)
(Pindaan) 1989**

DR.3/1989

D.R. 3/89

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

**Suatu Akta untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara
(Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963.**

[]

BAHAWASANYA adalah bermanfaat dipinda Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 bagi maksud semata-mata untuk menentukan keseragaman undang-undang dan dasar:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, menurut peruntukan-peruntukan Fasal (4) Perkara 76 Perlembagaan, **INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

- 1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) (Pindaan) 1989.**

**Tajuk
ringkas.**

Pindaan
seksyen 94.
Akta 2/63.

2. Seksyen 94 Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan takrif “Malay” dalam subseksyen (1) dengan takrif yang berikut:

“Malay” means a person who professes the religion of Islam, habitually speaks the Malay language, conforms to Malay custom and—

(a) was before Merdeka Day born in the Federation or born of parents one of whom was born in the Federation, or is on that day domiciled in the Federation; or

(b) is the issue of such a person;’; dan

(b) dengan memotong subseksyen (2).

HURAIAN

Pada masa ini bagi maksud-maksud seksyen 94 Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963, istilah “Malay” adalah terhad kepada orang Melayu Melaka, tetapi bagi maksud-maksud tanah yang tertakluk kepada kategori “bangunan” atau “industri”, istilah itu diperluaskan supaya meliputi orang-orang Melayu yang lain. Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda seksyen 94 supaya suatu takrif baru bagi istilah itu, yang akan meliputi orang-orang Melayu yang lain, akan terpakai bagi segala maksud seksyen itu.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1520.]